



SIARAN MEDIA

PELAJAR ANTARABANGSA KIKBM UKM TEROKAI TADBIR URUS DAN NILAI BUDAYA MALAYSIA MELALUI LAWATAN KE KPKT

PUTRAJAYA, 19 Jun 2026 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini menerima kunjungan rasmi seramai 15 pelajar antarabangsa yang mengikuti Kursus Intensif Keterampilan Bahasa Melayu (KIKBM) anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh pemahaman mereka terhadap bahasa, budaya dan sistem tadbir urus Malaysia.

Pelajar-pelajar tersebut terdiri daripada peserta program dwi-ijazah melibatkan Kyunghee University, Seoul, Republik Korea dan National Research University Higher School of Economics, Moscow, Rusia. Ketibaan mereka disambut oleh YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan Kristal, KPKT.

Dalam ucapan perasmiannya, YB Datuk Hajah Aiman Athirah berkata penguasaan sesuatu bahasa bukan sekadar melibatkan aspek komunikasi, malah membuka ruang untuk memahami cara berfikir, nilai serta budaya masyarakat yang menuturkannya.

“Bahasa merupakan cerminan identiti dan peradaban sesebuah bangsa. Melalui pengajian Bahasa Melayu, para pelajar bukan sahaja mempelajari bahasa, malah berpeluang memahami sejarah, nilai, budaya dan cara hidup masyarakat Malaysia yang membentuk jati diri negara ini,” katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa lawatan tersebut memberikan peluang kepada para pelajar untuk melihat secara langsung hubungan antara bahasa, budaya dan sistem tadbir urus awam dalam kehidupan masyarakat.

Menurut beliau, KPKT memainkan peranan penting dalam aspek perumahan, kesejahteraan komuniti dan kerajaan tempatan, sekali gus menjadi antara institusi yang paling dekat dengan kehidupan harian rakyat serta pelaksanaan dasar-dasar kerajaan di peringkat akar umbi.

Program lawatan rasmi sehari ini merangkumi sesi taklimat korporat mengenai fungsi dan peranan KPKT, di samping pendedahan berkaitan pengurusan kerajaan tempatan dan penyampaian perkhidmatan awam. Para peserta turut dibawa melawat ke beberapa lokasi strategik, termasuk Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang), serta lokasi eko-pelancongan seperti HL Dragon Fruit Ecofarm, Jeti Sirip Biru dan Pantai Bagan Lalang.

KPKT berharap program seperti ini dapat memperkukuh hubungan persahabatan antara Malaysia dan komuniti antarabangsa, selain memberi pengalaman bermakna kepada para peserta untuk mengenali Malaysia dengan lebih dekat. Program seumpama ini juga mencerminkan peranan Bahasa Melayu sebagai medium yang menghubungkan masyarakat pelbagai latar belakang, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai keterangkuman, persefahaman dan kerjasama global.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my